

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Tuan Nga Kor Ming [Taiping]**

**TARIKH : 26 Mei 2016 (Khamis)**

**SOALAN : Tuan Nga Kor Ming minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah pengimportan makanan negara kita dari luar negara untuk memenuhi keperluan domestik dari tahun 2010 hingga 2015 secara satu per satu.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah pengimportan makanan negara untuk memenuhi keperluan domestik dari tahun 2010 hingga 2015 seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Nilai Import (RM billion)</b>
<b>2010</b>	<b>30.19</b>
<b>2011</b>	<b>34.45</b>
<b>2012</b>	<b>36.05</b>
<b>2013</b>	<b>38.80</b>
<b>2014</b>	<b>42.60</b>
<b>2015<sup>P</sup></b>	<b>45.39</b>

*\*P – data sementara (provisional)*

Dalam konteks ini, import bahan makanan didapati telah meningkat secara purata 8.5% bagi tempoh 2010 hingga 2015. Nilai import bahan makanan didorong beberapa faktor seperti kadar pertukaran matawang terutamanya Dolar Amerika Syarikat serta faktor lain antaranya turun naik harga komoditi dan lain-lain.